



02 OCT, 2019

## JPP, JTK siasat kemelut dihadapi penghantar makanan

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# JPP, JTK siasat kemelut dihadapi penghantar makanan

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perhubungan Perindustrian (JPP) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) menyiasat, berhubung kemelut isu gaji dihadapi pekerja syarikat penghantaran makanan dalam talian, foodpanda.

Kementerian Sumber Manusia memaklumkan, wakil JPP dan JTK akan menemui pihak pengurusan syarikat, bagi membincangkan perkara itu, semalam.

“Kementerian mengambil maklum isu yang tersebar antara ‘rider’ (pekerja penghantaran) foodpanda dan pihak pengurusan syarikat terbabit, serta dalam proses siasatan perkara itu.

“Laporan awal diterima menyebut ia berpunca daripada pekerja penghantaran foodpanda, yang tidak berpuas hati dengan tindakan syarikat menukar skim fi perkhidmatan yang didakwa mengurangkan pendapatan mereka.

“Justeru, Kementerian berjumpa dengan beberapa penghantar makanan foodpanda pada 30 September (kelmarin), bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai isu ini,” kata kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Katanya, Pengarah JPP Kuala Lumpur dan Pegawai JTK Semenanjung turut menemui pihak pengurusan syarikat terbabit semalam, bagi mendapatkan penjelasan mengenai perkara yang dibangkitkan penghantar makanan.

“Kementerian akan memastikan wujud situasi saling memanfaatkan antara penghantar makanan foodpanda dan syarikat terbabit.

“Kita sentiasa memberi perhatian dan penekanan khusus terhadap kebajikan serta perlindungan golongan yang berada dalam ‘gig economy’ (pekerja tidak tetap) supaya sentiasa terpelihara,” katanya.



02 OCT, 2019

## JPP, JTK siasat kemelut dihadapi penghantar makanan

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kuala Lumpur: Jabatan Perhubungan Perindustrian (JPP) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) menyiasat, berhubung kemelut isu gaji dihadapi pekerja syarikat penghantaran makanan dalam talian, foodpanda. Kementerian Sumber Manusia memaklumkan, wakil JPP dan JTK akan menemui pihak pengurusan syarikat, bagi membincangkan perkara itu, semalam. "Kementerian mengambil maklum isu yang tersebar antara 'rider' (pekerja penghantaran) foodpanda dan pihak pengurusan syarikat terbabit, serta dalam proses siasatan perkara itu.